


ALAT PELINDUNG KESELAMATAN DIRI (APD)

MAKLUMAT RINGKAS UNTUK PEKERJA



— * 5



Alat Pelindung Keselamatan Diri (APD) adalah untuk melindungi diri awda dari sebarang kemalangan di tempat kerja atau sebarang kesan yang memudaratkan kesihatan yang berpunca dari sentuhan atau pendedahan kepada bahan kimia, fizikal, biologik, mekanikal atau lain-lain bahaya ditempat kerja, jika semua cara-cara kawalan tidak mencukupi atau tidak boleh digunakan.

JENIS-JENIS APD DAN KEGUNAANNYA

Awda dikehendaki menggunakan APD di dalam pekerjaan seperti berikut:

Alat Pelindung Mata

Digunakan bagi pekerjaan yang boleh menyebabkan kecederaan mata seperti pengimpalan besi atau memotong rumput.

Alat Pelindung Muka

Untuk mengelakkan kecederaan dibahagian muka seperti pengimpalan besi.



Alat Pelindung Pernafasan



Digunakan bagi melindungi diri dari habuk-habuk yang berbahaya, asap, gas dan wap seperti kerja di kuari atau tukang cat sembur (spray painting).

Alat Pelindung Pendengaran

Digunakan apabila bekerja di tempat bising seperti kerja di kilang pembotolan atau kilang kayu.



Alat Pelindung Kepala

Digunakan di tapak-tapak pembinaan atau sebarang kawasan di mana peralatan atau objek-objek boleh terjatuh dari atas terkena kepala.

Alat Pelindung Kaki

Digunakan bagi mengelakkan kecederaan di bahagian kaki dari benda berat bergolek (seperti tong) dan benda-benda tajam seperti kerja di bengkel-bengkel kerita.




Alat Pelindung Tangan

Pekerjaan melibatkan tangan selalu basah atau bekerja dengan bahan kimia seperti kerja di restoran-restoran atau makmal.

Tali Pinggang Keselamatan dan Tali Kawal


Jatuh

Digunakan semasa berkerja pada tempat yang tinggi, peranca, bumbung atau menara atau ruang terbatas (confined space) contohnya -tangki-tangki kosong, lorang-lorang najis seperti pekerja rawatan kumbahan.



Alat Pelindung Badan

Digunakan bagi pekerjaan yang terdedah kepada bahan bahaya atau racun seperti tukang sembur racun atau bekerja dengan asbestos



LATIHAN

Pastikan bahawa latihan diberikan kepada awda oleh majikan atau penyelia sebelum awda dibenarkan untuk membuat kerja-kerja yang memerlukan penggunaan APD. Ini termasuk:-

- a. Bila penggunaan APD diperlukan.
- b. Pendidikan mengenai jenis-jenis APD yang diperlukan.
- c. Pendidikan mengenai cara-cara penggunaan dan penyesuaian APD.
- d. Memahami bahawa APD mempunyai had-had dalam melindungi awda dari pendedahan atau kecederaan.
- e. Mengetahui cara penjagaan, pemeriksaan, pemeliharaan, jangka hayat dan penggantian APD.



L

M



Majikan dan penyelia mestilah memastikan bahawa pekerja diberikan latihan semula apabila berlakunya pertukaran proses kerja, pertukaran di dalam penggunaan APD atau pekerja masih kurang pengetahuan mengenai penggunaan APD

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DI INGAT


Punca bahaya-bahaya di tempat kerja perlu dikawal. Penggunaan APD diperlukan jika pengawalan bahaya tidak memberi kesan atau tidak dapat dipraktikkan.

Majikan awda hendaklah membekalkan APD yang bersesuaian dan memastikan ianya mudah diperolehi dan mencukupi tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Pastikan awda mengetahui kenapa APD diperlukan dan bila menggunakan.

- Semua APD hendaklah:
 - diawasi penggunaannya
 - disimpan dengan betul di tempat yang sesuai apabila tidak digunakan
 - disimpan dalam keadaan bersih dan berkeadaan baik
- Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan.

Majikan awda hendaklah memasang papan tanda keselamatan sebagai peringatan tentang penggunaan APD.



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**BAHAGIAN KESIHATAN CARA KERJA
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
BLOK 2G, UNIT 5-03
PUSAT KESIHATAN BSB
JALAN ONG SUM PING BA 1311
BRUNEI DARUSSALAM**

Tel: 2230043

Fax: 2230044

